



Kilang makanan disyaki punca pencemaran sebatian penyebab bau di Sungai Semenyih

BERNAMA



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Putrajaya: Sebuah kilang berasaskan makanan di Beranang, Selangor dikenakan tindakan henti operasi selama dua minggu bermula semalam, kerana disyaki menjadi punca pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) di Sungai Semenyih.

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dalam kenyataan hari ini berkata, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor membuka kertas siasatan untuk mendakwa pemilik kilang yang disyaki menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas pada 31 Ogos lalu dan yang terkini pada Jumaat lalu (3 September).

"Siasatan oleh JAS Selangor pada Khamis dan Jumaat (2 dan 3 September) mendapati kilang itu beroperasi dan beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk analisa komposisi kimia.

"Siasatan diteruskan pada tengah malam Jumaat yang pengawasan kualiti udara dijalankan di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) berjaya mencerpap beberapa bahan iaitu sebatian organik meruap (VOC) dalam udara yang berbau serta mempunyai persamaan dengan bahan-bahan VOC yang dikesan dalam sampel air berbau semasa kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu," katanya.

KASA berkata, berdasarkan petunjuk terbaru itu, pihak JAS melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) terhadap kilang di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menghentikan pencemaran serta-merta dan proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan.

Trending



Alasan teman pasangan yang mahu divaksin, katanya...



Bomba selamatkan tujuh remaja sesat



40 tahun 'tidur sambil terjaga'



Cuba upah pemandu ambulans RM10,000 rentas 4 negeri



'Bersiap hadapi Perang Dunia Ketiga'

Mutakhir



Mahu bina hidup baharu, namun ditipu



Mangsa banjir Sabah kekal 75 orang



Alasan teman pasangan yang mahu divaksin, katanya...

Kes disiasat mengikut Seksyen 25 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009.

Kesalahan terhadap pencemaran perairan daratan yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 25(3) Akta yang sama iaitu denda sehingga RM100,000 atau penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya bagi setiap parameter.

KASA berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) juga mengambil bahan bukti termasuk sampel-sampel efluen dan membuka kertas siasatan di bawah Seksyen 121(1)(C) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) iaitu kesalahan pencemaran terhadap sumber air yang jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman berdasarkan Seksyen 121 (2)(B) iaitu penjara maksimum 10 tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya sekali.

Henti tugas di LRA Sungai Semenyih berlaku akibat pencemaran OCS yang dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada tahap 2 ton di muka sauk Jenderam Hilir pada jam 5.15 petang Jumaat.

Henti tugas itu menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual di 463 kawasan di lima wilayah Air Selangor iaitu Petaling (172 kawasan), Hulu Langat (54 kawasan), Sepang (194 kawasan), Putrajaya (23 kawasan) dan Kuala Langat (20 kawasan).

Disiarkan pada: September 5, 2021 @ 12:06pm

Artikel Berkaitan



MUTAKHIR
Serbu kilang selepas sungai jadi hijau



MUTAKHIR
Jas buka kertas siasatan, tahan operasi kilang



Badut buat khidmat sanitasi demi kelangsungan hidup [METROTV]




Balu kepada bekas MB Perak ke-7 meninggal dunia




PKPD Kuala Kedah dengan kawalan ketat di darat dan laut [METROTV]




OhBulan



Sempena Ulang Tahun Ke-47, Kami Kongsikan 8 Benda Menarik Tentang PETRONAS Yang...



Pemuda Menangis, Dakwa Usahawan Terkenal Ciplak Rekaan Tudung – ‘Senang-Senang...



[VIDEO] Tegur Alisa Sebab Cakap Makanan Tak Sedap, Netizen Kagum Dengan...



Didakwa Pakai Jam Mahal Puluh Ribu, Menteri Agama Beri Respon – ‘Jam Buruj Lama...



Lelaki Raih Sumbangan Sehingga RM91,000 Jaja Kisah 14 Ahli Keluarga Maut Akibat...

SirapLimau



7 Jenis Aktiviti Pelancongan Dibenarkan Di Langkawi Bermula 16 September



Cara Buat Roti Pandan Gula Melaka Macam Roti Gardenia Viral



Ini 43 Jenis Telefon Pintar Tak Boleh Akses Whatsapp Mulai 1 November



Cara Ganti Getah Pintu Peti Sejuk Yang Dah Tak Rapat. Elak Bil Melambung!



Kenapa Pembedahan Plastik Double Eyelid Sangat Popular Di Korea Selatan?

MUTAKHIR

Ada pihak cemarkan Sungai Semenyih dengan bahan kimia

MUTAKHIR

463 kawasan di Selangor alami gangguan bekalan air

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



China's Youngest Female Billionaire Sells Sydney Penthouse at ...
Mansion Global



COVID-19 - Latest news and coverage
CNA



Shah Alam: Liquidation Of Unsold 2020 SUVs. Prices May Surprise...
SUV Deals | Search Ads



How COVID-19 Has...
Energy Watch

Read more



Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihatan muda denga...
Berita Kisah Asia



Here Is What Full Mouth Dental Implants Should Cost You in...
Dental Implants | Search Ads



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik